

A Pilih kata adjektif yang paling sesuai. Membaca : TP4



- 1 Ubat akar kayu berbentuk kapsul itu rasanya sangat _____.
- A kasar
 - B tajam
 - C pedas
 - D pahit



- 2 Anjing yang _____ itu menyalak apabila melihat orang yang tidak dikenali.
- A garang
 - B jinak
 - C bising
 - D baik

- 3 Angin yang bertiup _____ pada petang itu menyebabkan daun-daun berguguran ke tanah.
- A kencang
 - B pantas
 - C deras
 - D ligat

- 4 Pakaian yang dijemur di ampaiannya itu masih _____ kerana hujan turun tidak berhenti-henti.

- A kering
- B basah
- C licin
- D bersih

- 5 Pekerja-pekerja Majlis Bandaraya Iskandar Puteri menanam pokok-pokok _____ di sepanjang Jalan Skudai.

- A ketot
- B kecil
- C renek
- D halus

- 6 Jun Nan yang sangat _____ telah memecahkan sebiji mangkuk semasa mencuci pinggan mangkuk di dapur.

- A gopoh
- B berhati-hati
- C cekap
- D rajin

- 7 Pemandu-pemandu kereta di lebuh raya memandu dengan _____ kerana hujan lebat.

- A deras
- B kuat
- C cepat
- D perlahan

- 8 Cikgu Tan berasa _____ kerana Han Wen tertidur di dalam kelas semasa beliau sedang mengajar.

- A suka
- B marah
- C benci
- D gembira